

Disediakan Untuk: _____ Tarikh Cetakan: _____

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan Polisi Insurans Skim Insurans Pembantu Rumah Asing (DSIS). Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

Penyedia Khidmat Kewangan : Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad ("Allianz"/"Kami")
Nama Produk : Skim Insurans Pembantu Rumah Asing (DSIS)

1. Apakah produk ini?

Majikan yang menggaji pekerja asing mestilah mematuhi keperluan berkanun Di Bawah Seksyen 26(2) Akta Pindaan 1996 Akta Pampasan Pekerja 1952 untuk membeli insurans ini untuk melindungi pembantu rumah asing.

2. Apakah perlindungan/faedah-faedah yang disediakan?

Polisi ini menanggung rugi anda di bawah Akta berkenaan dengan pampasan bagi kecederaan semasa waktu dan di luar waktu bekerja yang dialami oleh pembantu rumah asing anda.

Faedah	Jumlah Yang Diinsuranskan
Insurans Kemalangan Diri	
• Kematian akibat Kemalangan & Hilang Upaya Kekal	RM 25,000
• Belanja Perubatan (Ekses RM 50.00)	RM 1,000
Kos Repatriasi	Sehingga RM 5,000
Kemasukan ke Hospital & Pembedahan	Sehingga RM 3,000
Faedah Mingguan (maksimum 15 minggu)	RM 105 seminggu

Tempoh perlindungan adalah untuk satu (1) tahun. Anda hendaklah memperbaharui perlindungan insurans anda setiap tahun.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jenis	Amaun
1 tahun	RM 63
2 tahun	RM 126

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza-beza bergantung kepada bilangan tahun (1 tahun atau 2 tahun).

4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

Jenis	Amaun
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	25% daripada premium
Duti Setem	RM10
Cukai Perkhidmatan	6% daripada premium

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui ?

(a) Kepentingan pendedahan

• Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans ini sepenuhnya bagi **tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan/atau semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh Allianz dengan penuh dan tepat dan mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda ketahui berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

• Kontrak Insurans Bukan Pengguna

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans bagi tujuan **berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**,

anda mempunyai kewajiban untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

Kewajipan pendedahan ini bagi Kontrak Insurans Pengguna dan Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui. Anda juga mempunyai kewajiban memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

- (b) Anda perlu memastikan bahawa butir-butir mengenai pembantu rumah asing anda lengkap dan betul
- (c) Tunai sebelum Perlindungan – Premium insurans yang perlu dibayar dan diterima oleh Allianz / ejen yang diberi kuasa dalam tempoh 14 hari dari tarikh bermulanya polisi. Jika syarat ini tidak dipatuhi polisi ini akan terbatal secara automatik dan Allianz berhak mendapatkan sebahagian premium secara pro-rata selama tempoh risiko ditanggung
- (d) Kelayakan - Polisi ini adalah layak kepada majikan yang menggaji pembantu rumah warganegara asing secara sepenuh masa, yang berumur daripada lapan belas (18) tahun sehingga enam puluh lima (65) tahun

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi:

- (a) Liabiliti common law
- (b) Peperangan, keganasan dan perang saudara
- (c) Tindakan yang menyalahi undang-undang, bunuh diri dan mencederakan diri sendiri dengan sengaja
- (d) Melakukan penerbangan atau perjalanan dengan pesawat kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang dalam pesawat komersial mengikut laluan yang dijadualkan
- (e) Pengaruh alkohol atau dadah yang bukan dipreskripsikan oleh pegawai perubatan yang berkelayakan
- (f) Aktiviti sukan yang merbahaya seperti mendaki gunung, menyelam, lumba motor dan lain-lain

Nota: Senarai ini bukan senarai yang lengkap. Sila rujuk kepada polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi ini?

Ya, polisi ini boleh dibatalkan dan premium akan dikembalikan secara pro-rata.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memberitahu kepada kami apa-apa perubahan dalam maklumat peribadi anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat dengan lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Skim Pembantu Rumah Asing atau mana-mana jenis produk insurans, anda boleh menghubungi kami secara langsung atau mana-mana cawangan atau ejen insurans mengikut pilihan anda. Sebagai alternatif, anda boleh melayari laman sesawang kami di allianz.com.my

Untuk sebarang pertanyaan, hubungi kami di:

Allianz Customer Service Center

Allianz Arena



Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral


Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur.

Allianz Contact Center: 1 300 22 5542

Email: customer.service@allianz.com.my

  AllianzMalaysia

 allianz.com.my

10. Lain-lain jenis perlindungan insurans pekerja asing yang boleh didapati:

- (a) Jaminan Insurans Pekerja Asing (FWIG)
- (b) Skim Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja Asing (SKHPPA)
- (c) Pekerja Asing – Perlindungan Tambahan (FWPLUS)

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBERI PERHATIAN MENGENAI SKALA FAEDAH-FAEDAH UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MESTI MENAMAKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA BELI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah bermula 01/04/2020.